

NO. SOALAN: 144

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 17 JUN 2014

RUJUKAN : 6897

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes orang hilang, kematian jalanraya, kes jenayah samun, kes rogol, bunuh dalam setiap jam di Malaysia dan apakah langkah untuk membendung masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah jenayah boleh mengacam keselamatan dan kerharmonian negara. Sehubungan itu pihak PDRM telah menjalankan penguatkuasaan yang berterusan dan terancang untuk membanteras dan mengekang jenayah dari terus berleluasa dengan pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan.

Statistik jenayah indeks yang berlaku mengikut kiraan jam di seluruh negara pada tahun 2012, 2013 dan 2014 (April) seperti berikut:-

Tahun 2012

KESALAHAN	INDEKS MALAYSIA TAHUN 2012	SETIAP 1 JAM (365 HARI)	SETIAP 24 JAM (365 HARI)	SETIAP MINGGU (52 MINGGU)	SETIAP BULAN (12 BULAN)
JENAYAH KEKERASAN :					
BUNUH	602	0.1	1.6	11.6	50.2
ROGOL	2,964	0.3	8.1	57.0	247.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	110	0.01	0.3	2.1	9.2
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	16,738	1.9	45.9	321.9	1394.8
SAMUN BERSENJATAPI	17	0.002	0.05	0.3	1.4
SAMUN TANPA S/API	3,275	0.4	9.0	63.0	272.9
MENCEDERAKAN	6,244	0.7	17.1	120.1	520.3
JUMLAH	29,950	3.4	82.1	576.0	2495.8
JENAYAH HARTABENDA :					
CURI	24,299	2.8	66.6	467.3	2024.9
CURI MOTOKAR	16,196	1.8	44.4	311.5	1349.7
CURI MOTOSIKAL	51,259	5.9	140.4	985.8	4271.6
CURI VAN/LORI/J'BERAT	4,526	0.5	12.4	87.0	377.2
CURI RAGUT	2,500	0.3	6.8	48.1	208.3
PECAH RUMAH DAN CURI	24,939	2.8	68.3	479.6	2078.3
JUMLAH	123,719	14.1	339.0	2379.2	10309.9
JUMLAH JENAYAH INDEKS	153,669	17.5	421.0	2955.2	12805.8

Tahun 2013

KESALAHAN	INDEKS MALAYSIA TAHUN 2013	SETIAP 1 JAM (365 HARI)	SETIAP 24 JAM (365 HARI)	SETIAP MINGGU (52 MINGGU)	SETIAP BULAN (12 BULAN)
JENAYAH KEKERASAN :					
BUNUH	627	0.1	1.7	12.1	52.3
ROGOL	2,718	0.3	7.4	52.3	226.5
SAMUN BERKAWAN BERS/API	98	0.01	0.3	1.9	8.2
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	16,647	1.9	45.6	320.1	1387.3
SAMUN BERSENJATAPI	21	0.002	0.1	0.4	1.8
SAMUN TANPA S/API	3,565	0.4	9.8	68.6	297.1
MENCEDERAKAN	5,699	0.7	15.6	109.6	474.9
JUMLAH	29,375	3.4	80.5	564.9	2447.9
JENAYAH HARTABENDA :					
CURI	21,405	2.4	58.6	411.6	1783.8
CURI MOTOKAR	16,733	1.9	45.8	321.8	1394.4
CURI MOTOSIKAL	49,133	5.6	134.6	944.9	4094.4
CURI VAN/LORI/J'BERAT	4,981	0.6	13.6	95.8	415.1
CURI RAGUT	2,118	0.2	5.8	40.7	176.5
PECAH RUMAH DAN CURI	23,317	2.7	63.9	448.4	1943.1
JUMLAH	117,687	13.4	322.4	2263.2	9807.3
JUMLAH JENAYAH INDEKS	147,062	16.8	402.9	2828.1	12255.2

Tahun 2014 (April)

KESALAHAN	INDEKS MALAYSIA JAN-APRIL 2014	SETIAP 1 JAM (120 HARI)	SETIAP 24 JAM (120 HARI)	SETIAP MINGGU (17 MINGGU)	SETIAP BULAN (4 BULAN)
JENAYAH KEKERASAN :					
BUNUH	170	0.06	1.4	10.0	42.5
ROGOL	760	0.3	6.3	44.7	190.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	25	0.01	0.2	1.5	6.3
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	5,088	1.8	42.4	299.3	1272.0
SAMUN BERSENJATAPI	7	0.002	0.1	0.4	1.8
SAMUN TANPA S/API	1,153	0.4	9.6	67.8	288.3
MENCEDERAKAN	1,858	0.6	15.5	109.3	464.5
JUMLAH	9,061	3.1	75.5	533.0	2265.3
JENAYAH HARTABENDA :					
CURI	6,940	2.4	57.8	408.2	1735.0
CURI MOTOKAR	4,361	1.5	36.3	256.5	1090.3
CURI MOTOSIKAL	14,583	5.1	121.5	857.8	3645.8
CURI VAN/LORI/J'BERAT	1,291	0.4	10.8	75.9	322.8
CURI RAGUT	972	0.3	8.1	57.2	243.0
PECAH RUMAH DAN CURI	6,885	2.4	57.4	405.0	1721.3
JUMLAH	35,032	12.2	291.9	2060.7	8758.0
JUMLAH JENAYAH INDEKS	44,093	15.3	367.4	2593.7	11023.3

Statistik kemalangan maut , mengikut jam bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 (April) seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH KEMATIAN	KEMATIAN SETIAP JAM (365 HARI)
2008	6527	0.7
2009	6745	0.7
2010	6872	0.7
2011	6877	0.7
2012	6917	0.7
2013	6915	0.7
2014 (APR)	2172	0.7

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), merupakan usaha Kerajaan untuk memenuhi keperluan rakyat yang diperkenalkan pada tahun 2009. Salah satu bidang teras yang diberi tumpuan adalah mengurangkan jenayah. Tumpuan adalah untuk mengurangkan jenayah kekerasan sebanyak 5% setahun. Pelbagai inisiatif yang telah diperkenalkan seperti berikut:-

- i) Konsep *Omnipresence* iaitu *Feet On Street, Stop and Talk*, dan *High Profile Policing*. Ketiga-tiga inisiatif ini adalah melibatkan keberadaan di mana-mana anggota beruniform terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan turut disertai oleh anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menjalankan tugas rondaan melalui pelbagai jenis rondaan, sama ada

rondaan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*), rondaan bermotosikal dan rondaan berjalan kaki. Kehadiran mereka ini membuat rondaan adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka berada dalam persekitaran yang selamat dan juga untuk mewujudkan perasaan “*Fear of Being Caught*”.

- ii) PDRM juga turut melaksanakan aktiviti ‘*Community Policing*’ bertujuan untuk melibatkan masyarakat dalam aktiviti menangani jenayah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa membanteras jenayah merupakan tanggungjawab bersama. Inisiatif ini melibatkan masyarakat awam dalam program-program seperti Rakan Cop, Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
- iii) “*Stop and Talk*” merupakan satu pendekatan yang digunakan oleh PDRM di mana semua anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan, sama ada berjalan kaki, bermotosikal atau berkereta (MPV) supaya berhenti untuk bertemu dengan orang ramai, mengikut kesesuaian masa dan tempat bagi mendapatkan maklumbalas serta mengetahui masalah mereka khususnya yang berkaitan hal-hal kepolisan dan jenayah.

iv) Bagi membendung kegiatan kongsi gelap dari berleluasa, Pihak PDRM telah melancarkan operasi khas yang dikenali sebagai Op Cantas Khas – *Total Enforcement* yang bermula pada 17 Ogos 2013. Susulan itu, pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organised Crime (STAFOC)* dan *Special Tactical Intelligence Narcotic Group (STINGS)* ditubuhkan bagi memerangi jenayah secara menyeluruh. Operasi ini dilaksanakan bertujuan untuk membuat pengesanan, pemantauan dan pencegahan aktiviti-aktiviti kumpulan kongsi gelap dan *Thug Gang*.